

22/02/1998

Perdana Menteri selar dalang kuasa pasaran

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kini muncul konsep demokrasi pasaran yang lebih kuat serta berpengaruh sehingga mengetepikan demokrasi politik yang diamalkan rakyat selama ini.

Perdana Menteri berkata, kuasa pasaran atau market forces itu bukannya dipilih rakyat atau datang dari negara ini, tetapi berpusat di negara asing.

"Tiada siapa dapat mencabar usaha market forces untuk menentukan bentuk kerajaan, kepemimpinan serta dasar negara," katanya ketika merasmikan Mesyuarat Agung Parti Progresif PPP di Pusat Islam di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, Barat berpendapat kuasa pasaran lebih mahir untuk menentukan kerajaan kononnya supaya lebih demokratik, telus dan bebas daripada rasuah, sedangkan konsep itu tidak benar.

"Kuasa pasaran hanya mengutamakan keuntungan bagi pihak tertentu, tetapi semua pihak mesti tunduk kepadanya atau kuasa pasaran akan mendisiplinkan kerajaan dengan mendera rakyat, pekerja dan peniaga sehingga jadi muflis," katanya.

Dr Mahathir berkata, krisis mata wang dan kegawatan ekonomi juga menjadikan rakyat dan negara lebih miskin berbanding sebelum ini.

"Jika kita renung sejenak tentulah kita sedar ekonomi dan politik kita tidaklah buruk sebelum jatuhnya mata wang.

"Demikian kejayaan kita sehingga kita digelar sebagai satu daripada 'Harimau Asia' dan ramai pelabur datang serta mengaut keuntungan besar," katanya.

(END)